

1klclassifieds

1300 808 123

www.1k.com.my



Timbalan perdana menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin ketika melawat ruang pameran FEHM.

FEHM Entity Sdn Bhd (FEHM), syarikat Bumiputera yang kini mengorak langkah dan bergiat aktif dalam bidang peralatan dan sistem komunikasi semakin mendapat kepercayaan syarikat antarabangsa untuk menjadi rakan kongsi mengedarkan pelbagai produk ternama berteknologi tinggi.

Seiringan dengan pertumbuhan dan perkembangan sektor swasta di Negara ini. Syarikat ini yang ditubuhkan pada 2005 dimantapkan lagi dengan sokongan anak syarikatnya iaitu FEHM Engineering Sdn Bhd dan FEHM Technology Sdn Bhd.

Pengarah Urusannya, Elias Jemadi Tajuddin berkata, kumpulan FEHM memfokuskan kepakarannya kepada pelbagai aplikasi peralatan dan sistem komunikasi, teknologi mencari dan menyelamat serta peralatan perisikan terkini.

Beliau berkata, Kumpulan Syarikat FEHM ini juga adalah rakan niaga serta ejen eksklusif produk antarabangsa ternama dan berteknologi tinggi seperti Raytheon JPS (USA), RHOTHETA

FEHM Entity edar produk peralatan, komunikasi berteknologi tinggi

Elektronik GmbH (Germany), GB Solo (UK) dan EMS Global Tracking (Canada).

"Kepercayaan syarikat antarabangsa melantik Kumpulan Syarikat FEHM sebagai rakan niaga mereka adalah bukti bahawa syarikat Bumiputera mampu bersaing dan profesional khususnya dalam mengendalikan produk yang canggih dan berteknologi tinggi," katanya.

Kumpulan Syarikat FEHM turut mengambil bahagian dalam Pameran Defence Services Asia (DSA) kali ke-12

yang diadakan pada 19-22 April lalu di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC). Pelbagai perkakasan dan sistem telah dipamerkan seperti peralatan integrasi komunikasi ACU 2000 IP, peralatan mencari dan menyelamat RT-500 M, peralatan Video Digital DropCam & Microvue, kamera Thermal Imaging S2 Integrated serta perkakasan Solotic untuk menyelamat semasa kebakaran.

DSA adalah pameran teknologi pertahanan dan keselamatan mega terkemuka yang telah menarik penyertaan 27 kumpulan negara


termasuk Australia, Turki, Jerman, United Kingdom, Amerika Syarikat, Itali, Perancis, Afrika Selatan, Poland, Switzerland, India, Korea, China, Singapura selain Malaysia.

Elias berkata, selain itu, syarikat ini bukan hanya menawarkan produk tetapi juga mampu memberi sokongan teknikal termasuk senggaraan dan pembaikan perkakasan elektronik sehingga ke tahap komponen.

"Ini dapat dilaksanakan dengan adanya kemudahan bengkel dilengkapi alatan moden yang canggih serta dikendalikan oleh kakitangan berkepakaran tinggi dan berdaya saing. Kebolehan di dalam kemahiran ini telah mendapat pengiktirafan dan kepercayaan pelanggan yang termasuk semua syarikat-syarikat telekomunikasi di Negara ini," katanya.

Antara lain kemahiran yang ditawarkan oleh Syarikat Kumpulan FEHM adalah perkhidmatan dalam bidang Kejuruteraan Mekanikal dan Elektrikal (M&E) yang diberikan kepada pemilik atau kontraktor bangunan serta firma konsultasi kejuruteraan.

-  **Kerjaya**
 - Jawatan kosong dan latihan
-  **Auto**
 - Kereta, van dan motosikal
-  **Hartanah**
 - Pejabat, rumah dan sewabeli
-  **Klasifikasi Am**
 - Perkhidmatan dagangan dan khidmat perniagaan
-  **Notis**
 - Kewangan, tender dan guaman
-  **Lelangan**
 - Rumah, komersil dan hartanah



PROPERTY AUCTION HOUSE SDN. BHD.

Pelelong Berlesen

www.auctions.com.my

Iklan Lelangan

Untuk tempahan atau pertanyaan sila hubungi:

S.K.LIM 012-2833345

GHANA 012-2316450

atau **319 TAMILA**

ROZIE

GRAU

GHAIIR

ditalian **03-2282 3380**

fax **03-2282 2590 / 03-2282 2603**